

NO SOALAN : 21

PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' ABD AZIZI BIN HAJI SHEIKH
FADZIR (KULIM BANDAR BAHRU)**

SOALAN : Minta Perdana Menteri menyatakan apakah masalah utama yang telah dikenalpasti oleh Majlis Konsultasi Perpaduan Nasional (MKPN) dalam konteks menambah baik perpaduan dalam Negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) telah ditubuhkan pada 11 September 2013 susulan dari Pilihanraya Umum Ke 13. Ia sebagai usaha penyatuan nasional (*national reconciliation*) untuk mengurangkan polarisasi kaum dan usaha membina bangsa Malaysia yang bersatu padu. Tujuannya adalah untuk membincangkan isu-isu sukar dalam kalangan masyarakat Malaysia yang kompleks bagi merintis jalan untuk mencari penyelesaian dan merapatkan jurang yang menghalang perpaduan.

Skop dan peranan MKPN juga turut membincangkan isu-isu sukar yang mempengaruhi perpaduan nasional terutamanya melibatkan aspek pendidikan, sosioekonomi dan sebagainya. Selain itu, isu-isu di Sabah dan Sarawak juga turut ditangani dengan menggunakan pendekatan yang berbeza berbanding isu-isu di Semenanjung.

Bagi mengalas tanggungjawab yang telah diberikan, MKPN telah mengadakan pelbagai aktiviti bagi mendapatkan input daripada pelbagai pihak. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah:

- (a) Mengadakan dialog perpaduan dengan masyarakat akar umbi;
- (b) Mengadakan Perbincangan Meja Bulat (Round Table Discussion) dengan kumpulan-kumpulan tertentu seperti kumpulan pelbagai aliran politik, kumpulan agama, pertubuhan interest group, dan sebagainya; dan
- (c) Mengadakan perjumpaan khas dengan kumpulan atau pertubuhan-pertubuhan tertentu.

Hasil daripada aktiviti yang telah dilaksanakan, MKPN telah mengenalpasti 9 faktor yang menggugat perpaduan dan keharmonian di Negara ini. 9 faktor tersebut adalah :

- (i) Etnisiti;
- (ii) Agama;
- (iii) Kelas Sosial;
- (iv) Pendidikan;

- (v) Bahasa;
- (vi) Generasi, tua muda;
- (vii) Gender;
- (viii) Politik federalisme dan
- (ix) Ruang- Bandar-desa

Justeru itu, MKPN dalam proses menghasilkan Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia. Pelan ini disediakan bagi memberi kerangka penting kearah penyatuan nasional (national reconcilitian) untuk mengurangkan polarisasi kaum da usaha membina bangsa Malaysia yang bersatu padu.